

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

DARIPADA : **TUAN TEO KOK SEONG**
[RASAH - DAP]

TARIKH : **9 NOVEMBER 2016**

SOALAN (NO. 18)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh Persatuan Elektronik Malaysia (ESM) sejak penubuhan pada tahun 2015. Adakah Kementerian dan ESM mengambil tindakan atas penganjur AGES 2016 di mana wang hadiah belum diberi kepada pemenang-pemenang. Apakah kementerian akan lakukan untuk menetapkan peraturan-peraturan untuk "*e-Sports*".

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Buat masa ini Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PPS) telah mendaftarkan “*e-Sports*” sebagai sukan di bawah Akta Pembangunan Sukan (APS) 1997 atas nama Persatuan Sukan Elektronik Malaysia (ESM) yang merupakan badan pengawal sukan elektronik peringkat kebangsaan. Sehingga kini terdapat 68 buah badan sukan elektronik yang sah berdaftar di PPS
2. Selaras dengan penubuhan ESM, pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan bertujuan mengembangkan “*e-Sports*” di Malaysia serta mencungkil peserta muda yang berbakat dalam kalangan anak tempatan. Bagi tahun 2015, ESM telah mengadakan *Malaysian Gamers Gathering* dan *Cyberfusion* melibatkan jumlah peserta masing-masing 400 orang dan 600 orang. Selain itu, ESM juga turut memberi sokongan kepada penganjuran AGES 2016 yang telah dianjurkan oleh syarikat swasta Platinum Eden Sdn Bhd.
3. Sehingga kini Kementerian belum menerima sebarang aduan rasmi mengenai kegagalan pihak syarikat dalam memberi hadiah kepada pemenang. Namun begitu, tindakan akan diambil ke atas penganjur sekiranya perkara ini terbukti berlaku. Walau bagaimanapun pihak penganjur adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam menyelesaikan perkara berbangkit berkaitan penganjuran yang dilaksanakan.

SULIT

4. Untuk makluman, peraturan-peraturan berkaitan sesuatu sukan adalah tertakluk di bawah badan pengawal di peringkat antarabangsa dan juga tertakluk kepada Akta 576 dalam aspek urus tadbir badan sukan. Dalam situasi ini, ESM merupakan ahli gabungan *International e-Sports Federation* (ieSF) dan apa-apa peraturan pertandingan di bawah ieSF perlu dipatuhi oleh ESM.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
TARIKH : 9.11.2016
SOALAN : NO. 19

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk meneruskan program bantuan buku 1Malaysia kepada pelajar-pelajar pra-universiti dan pelajar IPT seperti yang telah diperuntukkan sebanyak RM300 juta pada tahun 2015. Adakah rancangan Kerajaan untuk memanjangkan program ini kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menggantikan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) dengan kad debit pelajar yang bernilai RM250 bagi tahun 2017. Pemberian bantuan pelajar pendidikan tinggi ini boleh digunakan untuk pembelian buku, alat tulis, alatan komputer dan akses internet.

Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak memanjangkan program kad debit pelajar kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah kerana pelajar-pelajar ini layak menerima Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia (BKAP1M).